

## Projek pembangunan Pasar Datuk Keramat

# 'Kami tidak tolak pembangunan'

(3 September 2022) Berita Harian, P.14

**Peniaga gesa pihak berwajib beri penerangan jelas perancangan bina pasar baharu**

Oleh Fahmy A Rosli  
fahmy.azril@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** "Kami tidak menolak pembangunan semula pasar ini, namun sehingga kini tidak jelas mengenai perancangan pembangunannya kerana sudah lama tertangguh" demikian luahan ramai peniaga Pasar Datuk Keramat di sini, yang semakin usang, selain lot yang terbakar sebelum ini terbiar tanpa dibai-ki.

Meskipun keadaannya semakin usang, namun ia masih menjadi tempat mencari rezeki kira-kira 333 peniaga yang semuanya orang Melayu, selain menjadi tumpuan orang ramai untuk membeli barang basah seperti daging, ayam, sayur, ikan dan pelbagai lagi.

Peniaga ayam, Sazali Ruslan, 54, yang sudah lebih 35 tahun berniaga di situ, berharap pembangunan Pasar Datuk Keramat yang baharu dapat dibuat pada lokasi sedia ada.

Katanya, pihak berkenaan juga wajar mempertimbang mengekalkan identiti pasar berkenaan kelak yang di pelopori peniaga Melayu.

"Mengenai pembangunan pasar baharu nanti, saya berharap dapat dikekalkan di sini, sebab



kami sudah serasi berniaga di sini.

"Identitinya yang menempatkan semuanya peniaga Melayu wajar dikekalkan kerana ini adalah keunikan Pasar Datuk Keramat," katanya.

Peniaga daging, Muhamad Zharif Abd Talib, 31, mengakui tidak jelas pelan pembangunan pasar baharu, terutama isu jual beli tanah, di antara pemaju dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

## Lokasi tapak tidak strategik

Mengakui pernah mendapat arahan untuk berniaga di Keramat Mall yang terletak tidak jauh dari situ, beliau berkata lokasi termasuk lot niaga tidak strategik dalam premis berkenaan, membuatkan beliau memutuskan kekal di pasar sedia ada meskipun binaannya semakin usang.

Beliau yang menguruskan perniagaan keluarganya itu, men-

Keadaan Pasar Datuk Keramat ketika tinjauan BH, semalam.

(Foto SAIFULLIZAN TAMADI)



zahirkan harapan agar pembangunan pasar baharu kelak nanti boleh 'meniru' konsep seperti Pasar Chow Kit.

"Saya sebagai peniaga, mengharapkan penjelasan terperinci mengenai status pasar baharu kelak, termasuk yang duduk di Perumahan Awam (PA) Sri Perlis 1 (terbabit dengan projek sama)

pun tak tahu tanah dijual atau masih kepunyaan DBKL.

"Kalau mengenai pembangunan pasar baharu nanti, saya mohon ia dinaik taraf seperti Pasar Chow Kit kerana kemudahan disediakan di situ baik, selain hanya membenarkan warga tempatan berniaga. Bancian semula perlu dibuat bagi mengelak pe-

niaga warga asing mengambil kesempatan," katanya.

Pengerusi Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Melayu Wilayah Persekutuan Cawangan Datuk Keramat, Mohamed Tarmizi Mohamed Akil, yang turut berniaga di pasar itu, berkata pembinaan Pasar Datuk Keramat yang baharu itu sukar untuk dipastikan bila akan bermula.

Berdasarkan maklumat diperoleh, beliau berkata untuk membina pasar baharu itu, kerja merobohkan Perumahan Awam (PA) Sri Perlis mesti dibuat terlebih dahulu kerana tapaknya akan menjadi lokasi pasar Datuk Keramat yang baharu kelak.

"Penduduk PA Sri Perlis akan dipindahkan ke penempatan baharu di Lanai Gurney, kira-kira 10 minit dari lokasi asal.

"Masalah timbul sekarang kerana penempatan baharu di Lanai Gurney itu belum lagi dibina, jadi bagaimana penduduk Sri Perlis hendak berpindah ke situ.

"Selagi penduduk Seri Perlis tak berpindah, maka selagi itulah pembinaan Pasar Datuk Keramat yang baharu tidak dapat dilaksanakan," katanya.

Mohamed Tarmizi berkata, beliau difahamkan pemaju tapak berkenaan baru melunaskan bayaran sebanyak 10 peratus daripada nilai tanah yang mahu diambil alih itu dan jangka masa perjanjian pembangunan dikatakan mengambil masa selama 10 tahun.

"Namun, sehingga kini kami tidak melihat sebarang kerja pembangunan bermula di mana-mana tapak yang terbabit dalam projek ini sama ada di Lanai Gurney, Sri Perlis 1 atau tapak pasar yang sedia ada," katanya.